

20 JUN 2002

Mahathir-Perlindungan/I

MELAYU PERLU BANGKIT HADAPI CABARAN PENGURANGAN PERLINDUNGAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata jika orang Melayu mampu menangani cabaran daripada percubaan menarik perlindungan tertentu daripada mereka yang dilakukan sekarang, kerajaan mungkin menimbang untuk mengurangkan lagi perlindungan seumpama itu.

Perdana Menteri berkata orang Melayu tersalah anggap jika berpendapat perlindungan yang mereka nikmati sekarang daripada kerajaan adalah satu keistimewaan.

"Buat masa ini kita (kerajaan) sedang mencuba satu bentuk percubaan dengan menarik beberapa perlindungan tertentu. Kerajaan mahu melihat sama ada mereka mampu untuk bersaing atau tidak.

"Jelas sekali jika mereka dapat membuktikan kemampuan mereka, maka kerajaan boleh memikirkan kemungkinan untuk mengurangkan selanjutnya perlindungan yang ada," katanya pada sidang akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan mengenai dasar tidakan afirmatif yang bertujuan meningkatkan taraf Bumiputera dan bagaimana untuk melahirkan bangsa Melayu yang lebih kompetitif.

Ketika menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menjangkakan sehingga bila dasar-dasar itu akan diteruskan.

Kumpulan dan individu Melayu tertentu telah menyatakan rasa kurang senang mereka terhadap keputusan kerajaan untuk memperuntukkan 10 peratus tambahan tempat daripada yang sedia ada di Maktab Rendah Sains Mara dan program matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera.

Mereka mendakwa ini boleh menggugat hak istimewa pelajar dan masyarakat Melayu.

Dr Mahathir berkata dalam bidang ekonomi, strategi lain boleh digunakan untuk menjadikan orang Melayu lebih kompetitif.

"Sebagai contoh, kita mungkin mencuba (mengadakan ) saingan hanya di kalangan mereka untuk melihat siapa yang akan menyerlah, siapa yang berjaya.

"Maka tentunya setelah mereka belajar untuk bersaing di kalangan mereka, kita mungkin mahu mereka bersaing dengan yang lain. Banyak cara untuk melakukan perkara ini. Kita mempunyai banyak idea," katanya.

Semasa ditekankan bahawa ada anggota Umno yang tidak bersetuju terhadap peruntukan tambahan tempat 10 peratus itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengharapkan kesemua tiga juta anggota Umno bersependapat dengan beliau atau memberikan respons serupa.

"Yang penting kita dapat menjelaskan apa dia tujuan kita melaksanakan perkara ini. Keduanya, kita perlu menentukan bahawa mereka berkeupayaan untuk mencapai kejayaan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan keyakinan bahawa mereka akan dapat menerima hakikat berdasarkan pengalaman lepas termasuk projek kereta nasional dan menjadikan Langkawi sebagai pulau bebas cukai, kedua-duanya mendapat tentangan di peringkat awalnya tetapi kemudian terbukti berjaya.

Semasa dinyatakan bahawa ucapan dasarnya pada perasmian perhimpunan itu mungkin agak keras bagi sesetengah orang Melayu, Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir bahawa ucapannya itu kasar.

"Saya cuba untuk bercakap dengan ikhlas. Saya cuma bercakap benda yang benar. Sebab itulah kenapa tajuk ucapan saya 'Mendedah Yang Terbuka'. Saya tidak mengatakan perkara yang baru.

"(Saya hanya) mengulangi apa yang semua orang sudah tahu tetapi apa yang kebanyakan orang tidak suka menyatakannya. Saya tidak mahu berselindung apa-apa. Saya cakap apa yang saya ingin katakan," katanya.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan akan menerima bantahan daripada masyarakat terhadap ucapannya yang berterus-terang itu, Dr Mahathir berkata: " Akan ada respons yang baik dan juga yang tidak. Itu biasa.

"Tetapi saya selalu katakan yang saya tidak mencari populariti. Saya hanya bercakap yang benar. Saya sudah berpengalaman selama 21 tahun, boleh tahan bagi seorang yang sering dilihat sebagai kurang disenangi," katanya berseloroh.

Ditanya mengapa ucapan beliau tidak langsung menyentuh isu pendidikan termasuk tambahan tempat 10 peratus berkenaan, Dr Mahathir berkata:

"Kadang-kadang kita nak kata sesuatu tak semestinya kita kata secara berterus terang.

"Kalau kita baca betul-betul ucapan itu, saya fikir kita boleh faham apa maksudnya daripada segi dasar pendidikan."

-- BERNAMA

MAM ZS RON